

# Asiaspace, TM pacu khidmat WiMax

Tandatangani perjanjian persefahaman tingkat prasarana

>>Oleh Noor Azam Abd Aziz  
azam@hmetro.com.my

**A**SIASPACE Sdn Bhd memperuntukkan RM500 juta bagi mempertingkatkan kemudahan infrastrukturnya sebagai Penyedia Kemudahan Rangkaian (NFP) serta Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP) di negara ini.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Abdullah, berkata kos itu dibelanjakan secara berperingkat untuk tempoh dua hingga tiga tahun akan datang bagi memastikan kemudahan disediakan dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya.

Beliau berkata demikian

pada sidang akhbarinya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Perjanjian Perkhidmatan dan Kemudahan antara Asiaspace dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) dan anak syarikat TM, Fiberail Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Business TM, Datuk Zamzamzairani Mohd Isa dan Pengerusi Fiberail Sdn Bhd, Datuk Dr Abdul Rahim Daud.

Abdul Ghani dalam ucapannya berkata, MoU berkenaan sebahagian daripada komitmen berterusan syarikat itu yang sebelum ini diberikan lesen sistem Kebolehooperasian Global



**KONGSI...**(dari kiri) Abdul Rahim, Abdul Ghani dan Zamzamzairani selepas majlis memorandum persefahaman, semalam.

Capaian Gelombang Mikro (WiMax) untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar kepada pelanggan.

Menurutnya, Asiaspace sudah 15 tahun menyediakan kemudahan infrast-

ruktur komunikasi sendiri dan perjanjian terbaru itu membolehkan mereka berkongsi kemudahan dengan syarikat lain termasuk yang sudah memiliki lesen WiMax.

"Perjanjian hari ini me-

ngukuhkan hubungan perniagaan antara ketiga-tiga syarikat.

"Kami akan menyediakan kemudahan memasuki rangkaian jalur lebar yang turut ditawarkan TM dan Fiberail," katanya.